

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 2/2004**

**KADAR BAYARAN BAGI URUSAN CATATAN HAK IZIN LALU TALIAN
PENGHANTARAN DAN PEMBAHAGIAN TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)
DALAM DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR**

Arahan ini dikeluarkan adalah bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan kadar bayaran bagi urusan catatan hak izin lalu Talian Penghantaran dan Pembahagian Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam dokumen hakmilik daftar yang dikenakan dibawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

2. Kadar bayaran bagi urusan catatan hak izin lalu tersebut adalah sebagaimana yang dikenakan dibawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 seperti berikut :-

- | | | |
|-----|-------------------------------------|--|
| (a) | Bayaran Permohonan | RM 20.00 (<i>Item 63, Kaedah 21</i>) |
| (b) | Bayaran Pendaftaran | <i>(Item 64, Kaedah 21)</i> |
| | i. Hakmilik Pertama | RM 80.00 |
| | ii. Hakmilik Berikutnya | RM 40.00 bagi setiap hakmilik. |
| (c) | Memfail Dokumen
(Notis/Perintah) | RM 40.00 bagi setiap dokumen
<i>(Item 55, Kaedah 21)</i> |

3. Pentadbir-Pentadbir Tanah juga diingatkan supaya catatan yang dibuat pada Dokumen Hakmilik Daftar adalah mematuhi Seksyen 53(9A) Akta Elektrik 1949 (Akta 116) atau Seksyen 11(10) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) tertakluk kepada ketika mana sesuatu notis atau perintah dibuat. Bagi tujuan penyeragaman tindakan pendaftaran, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil.2/1992 perlu dipatuhi sebagaimana di **Lampiran I**.

4. Akta ini berkuatkuasa serta merta.

t.t
(Abdul Halim Bin Hj. Ahmad)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Kerajaan Tempatan
9. FF. PTG

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

Bertarikh : 01 Julai 2004
Fail : PTG.KN.32/69